



USAHA MEMUPUK AMALAN MEMBACA

Oleh Michelle Tai Tse Ching

ABAD ke-21 telah menyaksikan pelbagai cetusan idea dan percubaan membanggakan yang dilaksanakan kerajaan supaya Malaysia dapat mendabik dada untuk "berdiri sama tinggi, duduk sama rendah" dengan negara atas angin yang moden. Sayang dan malang sekali, di sebalik kemajuan tanah tumpah darah ini, terdapat lakaran suram yang membayangi tamadun dan peradaban masyarakat kita.

Pada realitinya, budaya membaca dalam kalangan masyarakat masih berada pada takuk lama umpama "hidup segan mati tak mahu" walaupun terdapat pelbagai buku dijual di pasaran. Hasil kajian *Profil Membaca Rakyat Malaysia* telah menunjukkan peningkatan daripada dua buah buku pada tahun 2005 kepada lapan hingga 12 buah buku setahun pada tahun 2010.

Namun, jumlah ini masih jauh ketinggalan berbanding dengan masyarakat Jepun yang membaca 40 buah buku setahun. Dalam aspek penjualan surat khabar sahaja, jumlah pendedaran akhbar harian di Jepun mengatasi jumlah pendedaran akhbar dunia. Secara nisbah seorang rakyat Jepun membaca sekurang-kurangnya empat naskhah surat khabar sehari. Siapakah yang perlu dipersalahkan dalam situasi masyarakat Malaysia yang tidak suka membaca?

Norman Vince Pale pernah menyatakan bahawa, "masalah itu tanda kehidupan, semakin banyak masalah anda, semakin

hidup jiwa anda." Kata-kata hikmat tersebut sengaja dipetik untuk menunjukkan bahawa setiap kemelut dan masalah yang kita hadapi tentu mempunyai jalan penyelesaiannya yang ampuh dan efektif. Terdapat beberapa inisiatif untuk menjadikan pembacaan sebagai amalan hidup. Pihak kerajaan menerusi Kementerian Pendidikan Malaysia telah berusaha untuk menanamkan minat membaca dalam kalangan pelajar melalui program NILAM yang berteraskan kemahiran 3M, iaitu menulis, mengira dan membaca untuk menjadikan negara kita "negara pembaca".

Budaya membaca dalam jiwa dapat dipupuk dengan adanya sudut bacaan atau perpustakaan mini di rumah yang dimanfaatkan bersama-sama dengan keluarga. Situasi ini mendorong minat membaca setiap anggota keluarga supaya amalan membaca dapat diterapkan dalam minda.

Di samping itu, pelbagai buku yang menarik dan sesuai dapat dibeli untuk dibaca sebelum tidur. Usaha-usaha lain memupuk tabiat membaca ialah amalan membaca surat khabar, kekerapan mengunjungi pameran buku dan kekerapan menyertai aktiviti seperti sayembara, menulis esei dan syarahan.

Sekiranya daya usaha yang menyeluruh dan pragmatik diimplementasikan secara intensif, seseorang itu dapat menjadikan amalan membaca sebagai amalan hidup.